



## ***TALKING POINTS***

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

### **PROGRAM**

**SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA  
PERINGKAT NEGERI JOHOR 2022**

---

**18 JUN 2022 (SABTU) | 10.00 PAGI  
DATARAN TANJUNG EMAS  
MUAR, JOHOR**

---

1. Bersyukur kerana dapat berhimpun dalam **Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor 2022** pada 18 & 19 Jun 2022 di Daerah Muar selaku tuan rumah.
2. Penghargaan & terima kasih kepada **YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Pegawai Daerah Muar** sebagai **Pengerusi Jawatankuasa Program Semarak Uniti** pada hari ini.

3. Komitmen padu dan kerjasama terbaik telah diberikan bersama seluruh agensi, NGO, swasta, serta komuniti dalam Daerah Muar.
4. Perkongsian buah fikiran & gabungan tenaga menjadikan program di Muar antara **program yang mempunyai pengisian yang padat, mantap dan terbaik.**
5. Terima kasih kepada **YB Tuan Ling Tian Soon, Exco Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor** yang turut menyokong penganjuran Program Unit ini.

6. Terima kasih kepada semua yang berada di Dataran Tanjung Emas pada hari ini yang turut menjayakan dan memeriahkan program perpaduan sebagai sebuah Keluarga Malaysia.
7. Dalam tempoh 2 tahun, KPN telah berjaya menghasilkan **Dasar Perpaduan Negara** yang memayungi semua inisiatif dan perancangan strategik Kementerian.
8. **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** telah dibangunkan sebagai menyokong **Aspirasi Keluarga Malaysia**.

9. KAMI dilancarkan pada **28 November 2021** oleh **YAB Perdana Menteri**.
10. KAMI menterjemahkan konsep Keluarga Malaysia dari aspek perpaduan sebagai aktiviti praktikal di semua peringkat.
11. Merangkumi 4 dimensi utama - **Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti** atau "**KAMI**".
12. KAMI **berfokuskan kepada rakyat** dengan tumpuan pelaksanaan program dan aktiviti di semua peringkat masyarakat.

13. Tema program Semarak Uniti -  
**“Merakyatkan Perpaduan Keluarga  
Malaysia”** berpaksikan 3 teras Keluarga  
Malaysia - **Keterangkuman,  
Kebersamaan dan Kesyukuran.**

14. Ciri-ciri ini menjadi asas mengukuhkan  
perpaduan dan integrasi nasional  
berpaksikan **Perlembagaan  
Persekutuan dan Rukun Negara.**

15. Pengisian Program Semarak Uniti:

- KPN Prihatin Keluarga Malaysia
- Sembang UNITI Keluarga Malaysia
- Pameran UNITI Keluarga Malaysia
- Rumah KAMI Keluarga Malaysia

- Rewang Muafakat Keluarga Malaysia
- Sukan UNITI Keluarga Malaysia
- Citarasa Menu Keluarga Malaysia
- Program-program perpaduan melibatkan *Unity Ride, Unity Run*, keindahan alam sekitar dan Jom Sihat UNITI Keluarga Malaysia.

16. Program dan aktiviti dianjurkan bertujuan mencambahkan **Tapak Integrasi** bagi menyemarakkan **semangat muhibah.**

17. **Tapak integrasi** mengikat perpaduan melalui nilai-nilai kerjasama, muafakat, tolong menolong, hormat menghormati dan kasih sayang.

18. Program ini menjadi ***Moment of Unity*** @ **Detik Perpaduan** yang dapat memperkukuhkan keharmonian & menyemarakkan rasa muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia di seluruh pelosok negara.

19. Kita mesti **memupuk rasa kebersamaan** dan **meraikan perbezaan** yang ada.

20. Saya ingin mengajak seluruh rakyat untuk mengenyahkan perbezaan dan memperkukuhkan nilai-nilai permuafakatan bagi memperkasakan perpaduan nasional.

21. Perpaduan menuntut pengorbanan yang sangat tinggi. Perpaduan menuntut pelaksanaan secara realiti agar masyarakat kita terus menikmati keharmonian dan kemakmuran.

## **PENUTUP**

22. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program.

23. Sekali lagi, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YB Pegawai Daerah Muar atas kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan program Semarak Uniti pada hari ini.

24. Terima kasih juga kepada YB Exco Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor selaku Pengerusi Jawatankuasa Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Negeri yang akan

diurusetiakan oleh Pengarah Perpaduan Negeri dan keahlian terdiri daripada pegawai-pegawai Perpaduan Daerah dan agensi-agensi berkaitan.

Dengan lafaz yang mulia, Bismillahirramannirrahim, saya dengan ini melancarkan Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor 2022.

Sekian, terima kasih.

# PANTUN

Petang Hari Pergi Ke Pekan  
Pulang Membawa Sebungkus Laksa  
Hidup Muhibah Perlu Diamalkan  
Agar Sejahtera Keluarga Malaysia

Harum Sungguh Bunga Melati  
Hiasan Sanggul Amat Memikat  
Bertolak Ansur Hormat Menghormati  
Mengukuhkan Perpaduan Ikatan Muafakat